

Konflik Pemilikan dan Pembangunan Tanah Adat Orang Asal di Sarawak

Ownership Conflict and Development of Indigenous Customary Land in Sarawak

Nur Hidayah Zubairi

¹Mohd Rizal Mohd Yaakop

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: ¹rizaly@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini meneliti konflik pemilikan dan pembangunan tanah adat di Sarawak dengan memberi tumpuan terhadap isu yang timbul dalam usaha untuk melindungi tanah adat seperti yang ditinggalkan oleh budaya dan adat sesebuah komuniti. Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan budaya, adat dan komuniti yang pelbagai sehingga mewujudkan corak yang pelbagai di Malaysia. Oleh itu tanah adat di Sarawak merupakan aspek penting untuk melindungi keunikan tersebut. Bagi meneliti konflik pemilikan dan pembangunan tanah adat di Sarawak, kajian menggariskan tiga objektif. Pertama, menjelaskan sekiranya undang-undang tanah mampu melindungi pihak komuniti untuk memperoleh tanah adat di Sarawak. Kedua, mengolah cabaran yang dilalui oleh komuniti Sarawak dalam usaha melindungi tanah adat daripada dimiliki aktor lain. Ketiga, mengenal pasti sekiranya proses pembangunan menyumbang kepada kesan buruk terhadap pemilikan tanah adat serta menjejaskan kehidupan komuniti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual, kajian perpustakaan, jurnal akademik dan pemerhatian. Hasil kajian ini menemukan tiga dapatan. Pertama, undang-undang yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada situasi serta tidak berunsurkan berat sebelah kepada mana-mana pihak. Kedua, cabaran yang dilalui dalam usaha untuk mempertahankan tanah adat telah memberi impak kepada kehidupan terhadap komuniti di Sarawak. Ketiga, proses pembangunan merupakan faktor terhadap kebangkitan konflik pemilikan tanah adat. Oleh itu, kepentingan komuniti Sarawak dan juga pembangunan perlu selari supaya tiada pihak yang tertindas.

Kata kunci: *Isu Pemilikan Tanah Adat, Komuniti di Sarawak, Pembangunan, Undang-Undang Tanah, Adat dan Budaya, Tanah Adat*

ABSTRACT

This study examines the conflict over the ownership and development of customary land in Sarawak, focusing on the issues arising in the effort to protect customary land as left by the culture and tradition of a community. Sarawak is a state rich in culture, tradition, and diverse communities, therefore customary land in Sarawak is an important aspect to protect this uniqueness. To investigate the conflict over the ownership and development of customary land in Sarawak, the study outlines

three objectives. Firstly, to determine if land laws are able to protect communities to obtain customary land. Secondly, to address the challenges faced by Sarawak communities in their efforts to protect customary land from being owned by other actors. Thirdly, to identify if the development process contributes to negative effects on customary land ownership and affects community life. This study uses qualitative methods, including interviews, library research, academic journals, and observation. The study's findings reveal three conclusions. Firstly, the laws provided are based on the situation and are not biased. Secondly, the challenges faced in efforts to defend customary land have had an impact on the lives of communities in Sarawak. Thirdly, the development process is a factor in the emergence of conflicts over customary land ownership. Therefore, the interests of the community and development need to be aligned to ensure that no party is oppressed

Keywords: Customary Land Ownership Issues, Communities in Sarawak, Development, Land Law, Custom and Culture, Customary Land

1. Pengenalan

Sarawak merupakan tanah hutan semula jadi yang kaya dengan keindahan serta hasil semula jadi. Penduduk setempat disitu kemudiannya telah mencipta pelbagai budaya tersendiri sehingga terbentuknya pelbagai suku kaum yang berbeza di Sarawak. Contoh suku kaum yang ada di Sarawak adalah Bidayuh, Iban, Orang Ulu. Sarawak dikenali sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya, warisan dan bahasa yang berbeza dan unik. Oleh itu, pertalian antara masyarakat 'orang asal' dengan tanah adat merupakan satu elemen yang penting bagi komuniti yang ada di Sarawak (Sabariah & Imilia, 2013). Hal ini kerana tanah adat orang Asal berkait dengan pelbagai aspek kehidupan seharian masyarakat di Sarawak seperti kebudayaan, kepercayaan, pengurusan sumber, pewarisan pengetahuan, perundangan, sosial dan politik. Perkaitan antara tanah adat orang Asal secara ringkasnya dianggap sebagai satu pertalian unik kerana tanah adat dapat dijadikan sebagai tunjang kepada cara hidup seharian serta identiti kolektif masyarakat. Lantas perkara ini merupakan salah satu cara untuk mengekalkan warisan dan budaya komuniti setempat. Tambahan pula, tanah yang diiktiraf dapat mewujudkan perasaan bangga dalam kalangan komuniti setempat apabila kelangsungan warisan tanah adat yang dijaga dari turun temurun dan dapat dikekalkan demi menjalankan pelbagai aktiviti seharian. Antara contoh tanah adat yang ada di Sarawak mengikut suku kaum Bidayuh adalah tanah Pemakai Menoa (kawasan hutan dara), Temuda (tanah pertanian), Pendam (tanah perkuburan) dan tanah Pulau (hutan tua).

Terdapat beberapa maksud adat dan tradisi yang dibawa oleh masyarakat di Sarawak. Pertama sekali, adat dijadikan sebagai satu garis panduan legitimasi yang telah dijadikan sebagai tradisi turun temurun sebuah masyarakat. Kedua, tradisi membawa maksud tingkah laku yang dinormalisasikan, nilai-nilai kehidupan yang dipegang teguh, dan perkara yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian sekumpulan masyarakat yang besar. Ketiga, tradisi juga boleh diolah sebagai satu set adat yang telah dinormalisasikan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya yang secara langsung telah melibatkan nilai kehidupan dan juga kepercayaan yang diterima pakai dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, jika dirujuk kepada masyarakat di Sarawak seperti kaum Iban, Bidayuh dan sebagainya mereka mempunyai tradisi dalam mewariskan hak untuk menggunakan tanah serta mengamalkan adat yang telah diturunkan oleh nenek moyang mereka. Oleh itu jika dilihat kebanyakannya di Sarawak, terdapat kaedah pemilikan tanah adat melalui warisan yang telah diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya dan perkara tersebut telah diakui sah oleh ketua adat atau dikenali sebagai tuai rumah. Menurut suku kaum masyarakat di Sarawak,

tanah adat secara ringkasnya merupakan satu identiti yang penting untuk menjaga kelangsungan komuniti adat. Lebih-lebih lagi apabila tanah adat ini dianggap sebagai satu perkara yang penting bukan sahaja dari sudut politik dan ekonomi, namun ia juga penting dan sangat bernilai dari segi konteks untuk meneruskan spiritual mereka yang dipegang sejak beratus tahun yang lalu (Azima et al 2016). Oleh itu tanpa tanah adat, maka terhapuslah budaya tradisi dan juga identiti suku kaum di Sarawak.

Akan tetapi kebanggaan yang dirasakan oleh masyarakat orang Asal ini akhirnya dicabar apabila wujud beberapa permasalahan seperti isu pemilikan tanah sehingga menyebabkan tiada jalan penyelesaian dan kesudahan sehingga pada hari ini. Wujud beberapa faktor utama yang mendorong kepada konflik pemilikan tanah adat iaitu status, kesahihan pemilikan dan keluasan sebenar tanah yang dimiliki oleh masyarakat, lantas mendorong kepada konflik dalam masyarakat berkaitan dengan cara informasi tanah diperoleh. Sering kali pemilikan tanah adat peroleh informasi tanah milik mereka melalui bentuk lisan. Lantas perkara ini mendorong kepada permasalahan yang berlaku sehingga kini kerana timbul pelbagai pertikaian berkenaan dengan kesahihan tanah adat yang dimiliki. Tambahan pula masyarakat orang asal di Sarawak menghadapi masalah apabila timbulnya tanggapan dan interpretasi yang berbeza berkaitan dengan hak pemilikan tanah. Hal ini akhirnya menyebabkan masyarakat orang asal di Sarawak tidak peroleh pengiktirafan hak milik tanah adat seperti yang dikeluarkan dalam perundang formal oleh pihak berkuasa. Pihak berkuasa akhirnya telah membuat keputusan untuk membentuk sempadan dengan tidak mengambil kira ciri-ciri tradisional dan adat yang menjadi makna kepada pemilikan tanah adat masyarakat tersebut.

Tambahan pula, konflik yang berlaku tidak berhenti disitu apabila berlakunya beberapa bentuk ancaman dan risiko yang dihadapi oleh masyarakat orang asal di Sarawak. Perkara ini berlaku disebabkan oleh proses pembangunan yang kian meningkat di Malaysia yang akhirnya menjejaskan cara hidup tradisi dan pelbagai aspek hak asasi manusia walaupun Masyarakat Asal telah diberikan pengiktirafan istimewa dalam perlembagaan negara. Oleh yang demikian mereka menghadapi pelbagai permasalahan seperti tahap kemiskinan yang tinggi, pengecualian dalam hak sosial, tiada pengiktirafan rasmi terhadap hak tanah mereka sendiri serta tanah adat dieksploitasi oleh beberapa pihak berkuasa. Projek pembangunan merupakan salah satu cabaran kepada masyarakat komuniti di Sarawak bagi mengekalkan dan memelihara tanah adat. Antara cabaran-cabaran lain yang menjejaskan pemeliharaan tanah adat masyarakat di Sarawak adalah seperti kelewatan proses persempadanan, pencerobohan ke atas tanah adat, bayaran pampasan dan juga konflik dalaman suku kaum serta persaingan dalam usaha untuk memiliki tanah adat. Oleh itu kajian ini cuba untuk mencapai beberapa objektif iaitu pertama sekali, untuk memahami latar belakang tanah adat dan hak-hak orang Asal seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang negara. Kedua, kajian ini cuba merungki bentuk-bentuk cabaran yang dilalui oleh Orang Asal di Sarawak apabila timbul isu konflik dalam mempertahankan Tanah Adat. Akhir sekali kajian ini cuba untuk mengkaji kesan proses pembangunan terhadap Tanah Adat Orang Asal di Sarawak.

2. Tinjauan Literatur

Azima Abdul Manaf et al (2015) melalui kajiannya iaitu Sempadan dan Pertikaian Pemilikan Tanah Adat di Sarawak beliau mendalami berkenaan dengan faktor-faktor dalaman yang menjadi punca terhadap pertikaian pemilikan tanah adat. Dalam kajian ini beliau berhujah

bahawa wujudnya beberapa punca dalam kalangan masyarakat asal di Sarawak sendiri yang menyebabkan mereka sukar untuk peroleh tanah adat yang diturunkan secara generasi ke generasi yang baru. Dalam kajian ini terdapat tiga faktor utama yang mendorong kepada pertikaian dalam memiliki tanah adat secara menyeluruh iaitu pertama sekali disebabkan oleh faktor status, kedua disebabkan oleh kesahihan pemilikan dan ketiga disebabkan oleh keluasan sebenar tanah yang dimiliki ataupun disebut sebagai garis sempadan tanah adat. Beliau berhujah bahawa pertikaian tersebut timbul disebabkan oleh konflik dalam masyarakat sendiri dalam menentukan cara tanah diperolehi, lantas pengkaji menerangkan bahawa masyarakat asal di Sarawak memperoleh tanah adat melalui bentuk lisan iaitu melalui informasi dari mulut ke mulut sahaja dan kebiasaannya tiada dokumen yang sah dan tetap.

Muhammad Fathi Yusof (2016) dalam kajian yang bertajuk Undang-Undang Tanah di Malaysia telah meninjau berkaitan kepentingan memahami dan mendalami undang-undang tanah dalam kalangan masyarakat awam. Pada pendapat beliau, undang-undang tanah ini penting dalam kehidupan masyarakat umum bukan sahaja terhadap ejen hartanah, pengurus hartanah, penilai, pegawai-pegawai pejabat tanah, bank dan kerajaan tempatan, masyarakat yang terlibat dalam urusan tanah. Oleh itu kajian ini ditulis untuk menjelaskan kepada pembaca makna, tanggungjawab dan peranan undang-undang tanah kepada masyarakat awam dengan cara yang mudah dan cepat untuk difahami. Melalui kajian ini, undang-undang diolah sebagai satu peraturan yang cukup luas dan menyeluruh mencakupi pelbagai soal pemilikan tanah, pengertian tanah, pelupusan, urusan tanah, pendaftaran, pengambilan balik tanah, hak milik strata, perlucutan hak dan pelbagai lagi.

Amnesty International (2018) melalui kajian yang bertajuk Perjuangan Membela Hak Tanah Penduduk Orang Asli/ Bumiputera Di Malaysia merupakan kajian lapangan yang dilakukan semasa lawatan pada tahun 2017 dan 2018 bagi memperoleh data dan maklumat berkenaan dengan keadaan sesebuah komuniti dalam usaha untuk mempertahankan cara hidup, komuniti, tanah, hutan, adat dan sebagainya. Kajian ini menunjukkan bagaimana tahap risiko dan ancaman yang dihadapi oleh komuniti orang asal di Malaysia yang cuba menuntut hak tanah mereka serta kegagalan negara dalam melindungi hak asasi komuniti ini daripada diancam, didiskriminasi di tanah sendiri dan tindakan keganasan. Proses pembangunan di tanah adat atau tanah asal sesekumpulan masyarakat ini telah menjejaskan penduduk di kawasan tersebut dan secara langsung mendorong kepada timbulnya ancaman yang mengganggu hak tanah pusaka, tanah adat, cara hidup tradisi dan pelbagai aspek hak asasi manusia. Dalam kajian ini terdapat beberapa perkara yang diketengahkan seperti kegagalan kerajaan untuk melindungi rakyat sehingga menyebabkan hak keadilan mereka dinafikan sewajarnya untuk menjalankan pencabulan hak dan perbuatan jenayah terhadap tanah di sesuatu kawasan masyarakat komuniti.

Mohd Fuad Mat Jali et al (2012) dalam karyanya yang bertajuk Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air Sarawak telah menjalankan kajian berkenaan dengan faktor politik pembangunan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya kecil. Kajian ini berkisarkan tentang aspek politik pembangunan yang merupakan salah satu perkara yang penting dalam usaha untuk mencapai kemajuan sosioekonomi di sesuatu kawasan khususnya di kawasan yang masih belum membangun seperti di kawasan pedalaman. Oleh itu projek pembangunan ini dilihat sebagai satu usaha kerajaan yang dapat memberi faedah secara langsung terhadap kehidupan rakyat dan juga negara apabila terdapat peningkatan dalam pendapatan, peluang pekerjaan dapat ditingkatkan, taraf ekonomi rakyat dapat dinaik tarafkan dan lain-lain.

Azima Abdul Hamid et al (2016) dalam kajiannya iaitu Cabaran Dalam Mempertahankan Tanah Adat di Malaysia: Kajian Kes Tanah NCR Suku Kaum Bidayuh Di Sarawak mengkaji berkenaan dengan isu projek pembangunan di tanah adat yang menjadi cabaran terbesar kepada suku kaum Bidayuh dalam usaha untuk mengekalkan tanah adat mereka. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan perbincangan terhadap satu aktor sahaja iaitu suku kaum Bidayuh dan bukan secara menyeluruh. Menurut beliau, adat yang diturunkan dari generasi ke generasi ini mempengaruhi hak dan status pemilikan tanah dalam kalangan pelbagai suku kaum di Sarawak. Oleh yang demikian beliau berpendapat bahawa pentingnya bagi suku kaum di Sarawak khususnya kaum Bidayuh untuk mempertahankan tanah adat yang telah dijaga dan diturunkan oleh nenek moyang mereka. Terdapat beberapa cabaran utama dalam mempertahankan tanah adat dinyatakan dalam kajian ini iaitu kelewatan proses persempadanan, pencerobohan ke atas tanah adat, bayaran pampasan, penglibatan komuniti dalam skim pembangunan, tiada kesepakatan dan konflik dalaman suku serta persaingan terhadap pemilikan tanah adat.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 *Tatacara pengumpulan data*

Kaedah kajian ini menggunakan kaedah data primer iaitu melalui soal selidik. Kaedah soal selidik dijalankan terhadap orang Asal di Sarawak iaitu terhadap kaum Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan beberapa kaum yang lain. Data yang diperoleh merangkumi Profil Responden, latar keberkesanan undang-undang tanah adat dan kerajaan negeri dan kesan pembangunan terhadap tanah adat.

3.2 *Analisis data*

Kajian ini menggunakan keseluruhan kaedah kualitatif. Penggunaan kaedah kualitatif ini melibatkan hasil data deskriptif iaitu melalui kata-kata lisan, tulisan dan perilaku subjek kajian berkenaan dengan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat asal di Sarawak dalam usaha untuk mempertahankan tanah adat mereka. Oleh itu, kajian ini akan mencatatkan tentang kejadian, peristiwa, tindakan dengan lebih terperinci. Kaedah kualitatif ini meliputi kajian perpustakaan bagi memperoleh bahan-bahan yang diperlukan sebagai rujukan, lantas pengumpulan maklumat dan bahan-bahan diperoleh terlebih dahulu daripada sumber Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Pusat Sumber Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi. Kajian secara elektronik juga akan digunakan dengan kegunaan sumber atas talian yang dijadikan sebagai bahan rujukan tambahan. Antara kajian elektronik adalah seperti jurnal digital, prosiding, buku digital, laman web kerajaan dan laman web rasmi antarabangsa. Oleh itu, kesemua sumber yang diperoleh daripada kaedah kualitatif ini dianggap sebagai sumber sekunder seperti buku, jurnal, artikel, dokumen, majalah, laman sesawang dan sebagainya. Sorotan kajian yang diterangkan juga turut digunakan sebagai sumber sekunder dalam kajian ini untuk memahami dan menjelaskan dengan terperinci berkenaan dengan perbincangan tajuk.

3.3 *Kawasan kajian*

Kawasan kajian pula dijalankan di kawasan pendudukan orang Asal iaitu seperti etnik Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan etnik-etnik yang lain. Kawasan kajian ini dilakukan di beberapa

kawasan untuk mengenalpasti masalah tanah adat yang berlaku di setiap etnik di Sarawak. Oleh itu kawasan pedalaman di tanah adat orang Asal Sarawak dijadikan matlamat dalam kajian ini untuk mengenal pasti masalah yang timbul secara menyeluruh.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Menjelaskan latar belakang kepentingan tanah adat dan serta undang-undang yang melindungi pemilikan terhadap tanah adat di Sarawak*

Tanah adat merupakan aset yang penting terhadap kehidupan orang Asal kerana tanah adat mempunyai hubungan yang rapat dalam kehidupan seharian contohnya dari segi kepercayaan, kebudayaan, kesihatan, pengurusan sumber, warisan pengetahuan, adat, sosial dan juga politik . Oleh itu perlunya pengiktirafan terhadap pemilikan tanah adat dalam sesebuah komuniti supaya adat dan budaya orang Asal dapat diteruskan. Tanah adat mendorong kepada beberapa kepentingan terhadap orang Asal contohnya tanah adat sebagai sumber ekonomi utama orang Asal. Tanah adat merupakan sumber mata pencarian ekonomi sara diri oleh orang Asal, kerana melalui pemilikan terhadap tanah adat masyarakat mampu menjalankan beberapa aktiviti untuk meneruskan kehidupan seharian seperti memburu, memungut hasil hutan, mencari makanan dan sebagainya. Kepentingan yang kedua adalah tanah adat merupakan elemen pengikat antara kaum yang berkongsi tanah. Tanah adat dianggap sebagai simbol kekeluargaan yang mampu menjaga identiti sebuah kaum contohnya identiti rumah panjang kaum Iban yang menjamin ciri dan keistimewaan budaya tersendiri. Rumah panjang ini dikongsi oleh sepuluh atau lebih jumlah keluarga yang mempunyai tali persaudaraan yang rapat. Ketiga, tanah adat ini merupakan salah satu cara untuk masyarakat Asal meneruskan amalan spiritual dan ritual mereka. Contohnya, kaum Iban dikenali dengan kepercayaan terhadap unsur-unsur spiritual yang berkait rapat dengan amalan hidup mereka. Menurut, Gregory dan Noria (2023) masyarakat Iban mempunyai kepercayaan terhadap antu (roh) dan mensia (masyarakat Iban) saling berkait antara satu sama lain. Kepercayaan terhadap amalan dan nilai ini telah diwarisi dari satu generasi ke satu generasi dan tidak mengalami mana-mana perubahan dari segi fahaman, konsep dan prinsip terhadap amalan. Mereka masih taat dan setia terhadap kepercayaan yang dibawa oleh generasi yang dikenali sebagai Penggarap Lama.

Keempat, menurut Mohd Syafiq dan Azima (2014) tanah adat juga merupakan elemen penting dalam aspek kehidupan sosial orang Asal kerana pengiktirafan terhadap tanah adat membolehkan sebuah komuniti mempunyai hak dan kuasa sendiri terhadap tanah adat mereka. Oleh yang demikian, orang Asal mempunyai kuasa sendiri dalam menentukan kehidupan sosial mereka khususnya dalam aspek pembangunan tanah mereka apabila tiada campur tangan daripada pihak atau pengaruh luar. Pemilikan terhadap tanah adat juga mampu memberikan kebenaran kepada orang Asal untuk memelihara persekitaran ekologi kerana penduduk orang Asal ini dikenali sebagai masyarakat yang banyak berjasa terhadap pemuliharaan hutan dalam usaha untuk menjaga ekosistem berharga atau yang dianggap aset penting negara. Malaysia antara negara yang setuju akan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang perlu dicapai menjelang tahun 2030. Oleh itu, objektif Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-15 adalah untuk melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan ekosistem khususnya terhadap pemeliharaan hutan. Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) telah mengeluarkan data terhadap keluasan tanah hutan di Sarawak. Data berkenaan menjelaskan bahawa terdapat pengurangan terhadap keluasan tanah di Sarawak iaitu pada

2018 keluasan hutan adalah sebanyak 62.3% berbanding pada tahun 2016 iaitu 63.8%. Oleh yang demikian dalam usaha untuk mencapai matlamat ke-15 menjelang tahun 2030, pentingnya perlindungan dan pemeliharaan hutan oleh orang Asal di Sarawak kerana komuniti tempatan lebih berpengalaman terhadap perlindungan hutan atau tanah sendiri. Tambahan pula, perlindungan terhadap hutan oleh komuniti tempatan lebih berhasil daripada perlindungan yang dijalankan oleh kerajaan yang akan memakan banyak masa disebabkan oleh polisi yang pelbagai.

Mengikut amalan orang Asal di Sarawak, persempadanan dan pemilikan suatu kawasan itu bermula dengan informasi melalui lisan iaitu diwarisi oleh satu generasi kepada generasi lain. Pada asalnya, pemilikan terhadap sesebuah kawasan adalah melalui mana-mana isi rumah yang pertama sekali menebang hutan yang secara langsungnya akan menyebabkan tanah tersebut menjadi hak milik isi rumah tersebut. Orang Asal di Sarawak telah menetapkan sempadan terhadap sesuatu kawasan melalui tanda semula adi seperti pokok, gunung, sungai dan pelbagai lagi. Akan tetapi penandaan sempadan melalui elemen semula jadi ini dianggap lemah dan tidak relevan pada masa sekarang kerana sumber semula jadi terdedah dengan kemusnahan contohnya banjir, tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya. Kelemahan semula jadi ini pula akhirnya akan menimbulkan pertikaian terhadap pemilikan tanah adat antara masyarakat orang Asal.

Menurut Jabatan Perdana Menteri (2018) melalui terbitan dokumen “Kupasan Sejarah Perjanjian Malaysia 1963” mengenai Perjanjian Malaysia 1963, kerajaan beranggapan bahawa Sabah dan Sarawak memiliki kedudukan yang setara dengan Persekutuan Tanah Melayu. Namun pindaan pada 1976 seolah-olah menyebabkan kedudukan Sabah dan Sarawak diturunkan daripada “rakan sekutu” kepada “anak” atas alasan kedua negeri ini diletakkan selari dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Perkara ini bertambah rumit apabila orang Asal di Sarawak tidak memperoleh keadilan dalam pemilikan hak tanah adat lebih-lebih lagi apabila hak mereka diambil oleh pihak luar atas dasar pembangunan atau kepentingan pihak tertentu. Pengambilan tanah adat seolah-olah kedudukan istimewa masyarakat Sarawak tidak dititikberatkan yang secara langsung menggugat hak asasi orang Asal. Oleh yang demikian dalam usaha untuk melindungi tanah adat di Sarawak terdapat Kanun Tanah Sarawak 1958. Contoh undang-undang yang melindungi tanah adat disediakan dalam Bab 21 Kanun Tanah Sarawak Seksyen 2(a), Seksyen 5(2) dan Seksyen 15(1) dimana bab ini menjelaskan tentang definisi, cara pemilikan dan perlindungan terhadap tanah adat. Kanun Tanah Sarawak ini membenarkan masyarakat Sarawak untuk melindungi, menuntut dan memiliki tanah adat namun melalui dokumen hak milik. Dokumen tersebut perlu berdasarkan bentuk pemberian, pajakan atau bukti yang lain untuk menunjukkan bahawa seseorang individu itu berhak memiliki tanah adat. Walaupun Kanun Tanah Sarawak telah dibentuk sejak berpuluh abad yang lalu, terdapat beberapa isu yang dibangkitkan dimana ada yang menganggap bahawa undang-undang tersebut masih terdapat lopong dan kekurangan sehingga tidak mampu memberikan keadilan kepada masyarakat Sarawak.

Bagi masyarakat Sarawak yang telah menetap di tanah adat yang diberikan oleh generasi nenek moyang mereka, undang-undang mengakui bahawa masyarakat tersebut wajar memiliki tanah tersebut. Namun, Kanun Tanah Sarawak dilihat gagal memberikan pengiktirafan sepenuhnya terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh anak negeri untuk memiliki hak tanah adat mereka. Kanun Tanah Sarawak juga dilihat gagal mengambil kira amalan-amalan tradisi serta adat dalam usaha anak negeri memiliki tanah adat yang diinginkan. Perkara ini dibuktikan apabila hanya bukti aktiviti penanaman dan penempatan sahaja diambil kira dan unsur-unsur tradisi dan budaya seperti aktiviti tanaman tradisional, aktiviti

pemburuan, kawasan pengubumian diabaikan oleh undang-undang tersebut. Kanun Tanah Sarawak juga menggunakan sistem Torrens yang memperkenalkan pengesahan terhadap borang-borang yang berkaitan dengan tanah dan perlu didaftarkan bagi menjamin pemilikan seseorang individu terhadap tanah tersebut seperti yang dinyatakan oleh Rabiah (2018). Melalui borang atau dokumen yang sah, pemilikan seseorang individu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dan diambil oleh mana-mana pihak.

Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, hak terhadap harta iaitu pengambilan terhadap mana-mana harta wajib diberikan pampasan kepada pemilik asal. Peruntukan ini menyebabkan Akta Pengambilan Tanah 1960 dimana ia menjelaskan pengambilan tanah atau harta individu melalui bentuk jaminan dan pampasan kepada tuan tanah. Dalam usaha untuk tidak melanggar Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, syarat utama untuk pengambilan tanah adalah melalui pemberian pampasan dan jaminan yang mencukupi dan bukan melalui paksaan dan sebarang bentuk keganasan. Subseksyen 3(1)(c) Akta Pengambilan Tanah pula adalah bertujuan untuk proses pembangunan daripada pihak badan kerajaan negeri. Subseksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah pula berkenaan dengan pengambilan tanah untuk pembinaan jalan. Perkara 13(1), Perkara 13(2) serta Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah bentuk undang-undang yang penting di Sarawak kerana orang asal di negeri itu seringkali mengalami isu pemilikan tanah disebabkan oleh projek pembangunan yang dijalankan pihak berkuasa. Oleh itu, undang-undang yang diperuntukkan ini adalah wajar bagi mengawal isu pemilikan tanah khususnya di Sarawak dalam konflik pemilikan tanah adat.

Menurut soal selidik terhadap beberapa masyarakat orang Asal di Sarawak, kebanyakan daripada mereka berpendapat bahawa undang-undang yang diperuntukkan untuk melindungi orang Asal tidak dititikberatkan dengan sebaik-baiknya. Masyarakat setempat berpendapat bahawa golongan mereka seringkali terkesan dengan undang-undang yang berkaitan dengan pemilikan tanah adat. Hal ini kerana orang Asal di Sarawak seolah-olah tidak didahulukan dalam hak pemilikan tanah adat walaupun terdapat beberapa undang-undang yang memberikan kebenaran kepada orang Asal untuk memiliki tanah adat dalam usaha untuk meneruskan adat dan budaya kaum sendiri. Oleh yang demikian masyarakat Asal berpendapat bahawa undang-undang yang diperuntukkan gagal melindungi hak orang Asal seperti yang termaktub dalam hak asasi manusia serta prinsip institusi antarabangsa. Tambahan pula, melalui soal selidik tersebut orang Asal bersetuju bahawa pemilikan terhadap tanah adat menjadi punca terhadap penerusan amalan adat dan budaya mereka. Perkara ini menyebabkan timbulnya persoalan sekiranya adat dan budaya dapat diteruskan sehingga ke generasi akan datang jika tanah adat orang Asal diambil oleh pihak-pihak tertentu.

4.2 Cabaran-cabaran dalam usaha untuk memiliki tanah adat di Sarawak melalui undang-undang tanah

Undang-undang yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan bahawa terdapat kedudukan istimewa dan hak-hak asasi bagi masyarakat orang Asal di Sarawak khususnya dalam mengamalkan adat dan budaya mereka. Akan tetapi keadaan yang berlaku di tanah adat seolah-oleh menyebabkan orang Asal tidak memperoleh pengiktirafan dan pelaksanaan seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan hak terhadap harta benda. Contohnya dalam Perkara 161 (A) yang memperuntukkan pemilikan tanah adat kepada penduduk asal negeri Sabah dan Sarawak serta perlu memberi keutamaan kepada mereka dalam hal pemberimilikan tanah. Di Malaysia, Akta Hasutan

merupakan undang-undang yang melarang sebarang bentuk tindakan yang dilihat sebagai hasutan terhadap mana-mana masyarakat. Namun suara-suara yang dibangkitkan dimana sepatutnya dianggap sebagai kebebasan bersuara telah dianggap satu bentuk jenayah dalam Akta Hasutan. Oleh yang demikian, Akta Hasutan ini dianggap sebuah undang-undang yang melanggar piawan hak asasi dan juga undang-undang seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 10 Kebebasan Bersuara (Amnesty, 2018). Hal ini menyebabkan aktivis hak asasi, ahli politik, wartawan, organisasi masyarakat sivil telah disoal apabila mereka menyuarakan hak-hak berkenaan tanah adat. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang bersetuju akan UNDRIP pada 2007, namun Malaysia dilihat gagal mengamalkan undang-undang dan dasar yang dikeluarkan oleh UNDRIP berkenaan dengan hak penduduk orang Asal yang akhirnya membuktikan ketidakcekapan pemerintah Malaysia dalam melindungi orang Asal.

Ketidakcekapan kerajaan Malaysia dalam melindungi orang Asal walaupun terdapat pelbagai undang-undang dan peruntukan daripada organisasi antarabangsa telah menimbulkan cabaran terhadap orang Asal khususnya dalam memiliki tanah adat. Antara cabaran-cabaran yang timbul berpunca daripada prejudis sosial, undang-undang pemilikan tanah, halangan sumber dan peraturan pentadbiran tanah (Azima, 2014). Cabaran pertama adalah terdapat undang-undang tanah di Sarawak yang membenarkan masyarakat luar Sarawak untuk memperoleh hak memiliki tanah di Sarawak atas alasan pemberian tanah kepada masyarakat luar adalah untuk memastikan projek pembangunan dapat dijalankan. Disebabkan tanah adat tidak diberikan pengiktirafan kepada orang Asal, masyarakat setempat terpaksa berusaha memperoleh tanah adat mereka melalui undang-undang dan mahkamah untuk membuktikan hak milik mereka. Kedua, menerusi Kanun Tanah Sarawak 1958, ia mengiktiraf kepentingan pendaftaran terhadap tanah adat, namun perlu menyediakan dokumen hak milik dalam, bentuk pemberian, pajakan atau apa sahaja bukti hak milik. Pada tahun 2000 pula, terdapat pindaan dimana pengambilan tanah untuk apa-apa tujuan perlu diberikan sebarang bentuk pampasan dan kegagalan pemberian pampasan boleh dikenakan tindakan seperti yang termaktub dalam Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan dan juga perisytiharan UNDRIP. Akan tetapi, terdapat beberapa pihak yang telah menceroboh dan mengambil tanah adat orang Asal namun mereka tidak memperoleh sebarang bentuk pampasan daripada pihak yang terlibat. Perkara ini dilihat melanggar undang-undang namun tiada tindakan yang telah dilakukan terhadap pihak yang terlibat yang akhirnya menyebabkan hak orang Asal seolah-olah diabaikan.

Kedua, konsep persempadanan tanah telah menyebabkan cabaran dalam memiliki tanah adat. Hal ini kerana orang Asal beranggapan bahawa persempadanan tanah boleh ditentukan melalui maklumat lisan seperti tumbuh-tumbuhan, pokok, rumput, gunung dan pelbagai sumber semula jadi. Perkara ini bertentangan dengan undang-undang tanah yang menganggap persempadanan melalui cara tradisional adalah lemah yang akhirnya menimbulkan pertindihan. Pertama sekali, persempadanan tanah melalui undang-undang tidak mengambilkira kepentingan amalan nilai dan budaya tradisional. Kedua, pada 1996, pemohon tanah adat perlu membuktikan bahawa mereka mempunyai hak terhadap mana-mana tanah adat. Oleh itu, kerja-kerja untuk pengukuran keluasan tanah terletak di tangan pihak yang memohon serta kerja pengukuran ini merupakan salah satu syarat untuk memperoleh dokumen sah. Kerja-kerja pengukuran tanah ini bertambah rumit apabila ia memakan kos yang tinggi dan perlu ditanggung sendiri oleh pemilik tanah. Hal ini menyebabkan penduduk terpaksa meminta bantuan Badan Bukan Kerajaan untuk memenuhi proses persempadanan. Tanpa bukti yang cukup dan penyediaan dokumen yang lengkap Seksyen 5(2) Kanun Tanah Sarawak memperuntukkan bahawa sesebuah tanah itu akan

menjadi hak milik negeri dan bukan hak milik orang Asal, lantas orang Asal yang menetap di tanah yang tidak diiktiraf akan dikelaskan sebagai ‘pemegang lesen daripada kerajaan’.

Cabaran yang ketiga adalah apabila terdapat bentuk keganasan dalam mempertahankan tanah adat, contohnya ancaman, keganasan fizikal dan kerosakan harta yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Seperti yang dilaporkan oleh OHCHR (2018), pada tahun 2016, mangsa yang bernama Bill Kayong yang merupakan seorang aktivis yang lantang menyampaikan suara khususnya terhadap hak komuniti Dayak Dalam mempertahankan tanah adat. Bill Kayong telah ditembak sehingga mati di Miri, Sarawak. Bukan itu sahaja, mana-mana aktivis yang lantang menyampaikan hak terhadap tanah adat seperti wartawan atau penduduk telah berhadapan dengan bentuk keganasan yang bermula dengan ancaman. Cabaran ini juga dapat dibuktikan melalui soal selidik bersama orang Asal Sarawak apabila terdapat masyarakat setempat yang mengalami beberapa bentuk keganasan dalam usaha untuk mempertahankan tanah adat. Antara bentuk keganasan yang dialami adalah seperti keganasan fizikal, ancaman dan harta. Kes Bill Kayong dan juga bentuk keganasan yang dihadapi oleh orang Asal menyebabkan mereka tidak berani untuk menyampaikan hak dan mempertahankan tanah adat untuk memastikan keselamatan diri dan keluarga terjamin. Perkara ini seolah-olah menimbulkan persoalan sekiranya terdapat kebebasan dalam masyarakat untuk bersuara dan mempertahankan hak mereka sekiranya terdapat ancaman yang akan menggugat diri mereka. Cabaran-cabaran yang timbul ini membuatkan masyarakat setempat mempersoalkan tanggungjawab kerajaan negeri dalam melindungi orang Asal lebih-lebih lagi apabila mereka terpaksa melalui beberapa masalah dalam usaha untuk mempertahankan pemilikan terhadap tanah adat.

4.3 Proses pembangunan mendorong kepada kesan yang mendalam terhadap Tanah Adat dan kehidupan Orang Asal Sarawak

Setelah penggabungan antara Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, dapat dilihat bahawa terdapat perkembangan terhadap sektor pembangunan di Sarawak. Akan tetapi perkara itu tidak bertahan setelah beberapa dekad Sarawak memasuki Persekutuan Malaysia apabila berlaku ketidakadilan dalam perkembangan ekonomi di Sarawak. Perkara ini boleh dilihat apabila berlakunya jurang antara pembangunan ekonomi di bandar dan juga kawasan di luar bandar. Contoh yang berlaku seperti di pedalaman Song, Sarawak dimana kaum Iban yang menduduki rumah panjang di kawasan tersebut mengalami kemunduran disebabkan oleh pelaksanaan program pembangunan yang kurang berkesan (Mula & Kamal, 2019). Di Sarawak isi rumah dengan pendapatan kurang daripada RM920 sebulan dianggap sebagai kategori miskin dan sebanyak 38 isi rumah daripada 90 yang tinggal di rumah panjang menghadapi masalah kemiskinan. Kemunduran ini juga menyebabkan masyarakat di kawasan tersebut menghadapi masalah seperti kesukaran memperoleh kemudahan internet, telefon dan juga jentera elektrik. Tambahan pula apabila masyarakat di rumah panjang masih menghadapi masalah jalan raya berturap sehingga menyebabkan masyarakat terpaksa menggunakan jalan air yang memakan kos sehingga RM400 untuk berulang alik Pekan Song ke rumah panjang. Masalah yang timbul ini seakan-akan kerajaan tidak menitikberatkan hak-hak asasi orang Asal di Sarawak apabila mereka masih menghadapi masalah kemunduran walaupun masalah ini dilihat bertentangan dengan apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan serta Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asal (UNDRIP).

Bagi orang Asal di Sarawak, tanah adat merupakan unsur yang penting dalam kehidupan mereka kerana tanah adat dianggap sebagai simbol kekayaan. Tanah adat dijadikan sumber ekonomi utama bagi orang Asal contohnya untuk memburu, bertani, menangkap ikan, hasil hutan dan sebagainya. Akan tetapi disebabkan terdapat undang-undang yang membenarkan pihak luar untuk mengambil tanah adat atas faktor pembangunan, perkara ini telah menyebabkan sumber utama orang Asal telah terjejas. Penerokaan oleh

pihak luar telah menimbulkan beberapa kesan negatif contohnya, ancaman kepada haiwan, memusnahkan hasil tanaman padi, dan memusnahkan ekosistem di kawasan tersebut apabila berlakunya projek pembalakan. Perkara ini lantas menyebabkan kehidupan sosial orang Asal juga terjejas sekiranya tanah adat yang menjadi punca kegiatan aktiviti bersama telah diganggu oleh pihak luar. Sekiranya tanah adat gagal dilindungi, ia akan menjejaskan bentuk pengamalan budaya orang Asal disebabkan tanah adat merupakan elemen dalam mempertahankan aspek sosial. Masyarakat setempat mampu meneruskan identiti kelompok melalui perlindungan tanah adat kerana tanah adat merupakan elemen untuk memastikan aktiviti budaya mereka dapat diteruskan dan diturunkan ke generasi baharu.

Namun, projek pembangunan yang dijalankan di tanah adat bukan bermatlamat untuk memenuhi keinginan dan keperluan masyarakat Asal disebabkan oleh keperluan terhadap jalan raya berturap, kemudahan elektrik dan komunikasi yang tidak dibaik pulih. Pihak berkuasa juga lebih mengutamakan projek-projek pembangunan berbanding menaiktaraf pembangunan dan keperluan di tanah adat dalam usaha untuk memastikan kelangsungan amalan budaya orang Asal dapat diteruskan. Oleh yang demikian berbanding melindungi adat dan budaya di tanah adat, kerajaan negeri lebih mementingkan kemajuan terhadap pembangunan komersial yang akhirnya memaksa orang Asal untuk berhadapan dengan pihak berkuasa di mahkamah untuk melindungi tanah adat mereka. Seperti yang dinyatakan oleh (Azima, 2020), kebenaran terhadap pihak luar untuk memiliki tanah adat Sarawak telah menyebabkan pihak swasta menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan keperluan orang Asal. Aktiviti yang dijalankan seperti perladangan dan pembalakan yang menyebabkan matlamat utama kewujudan tanah adat diubah kepada tanah ladang secara besar-besaran. Aktiviti pembalakan dan perladangan ini menyebabkan sumber semula jadi yang menjadi hasil kekayaan orang Asal terjejas. Masyarakat setempat menggunakan hasil semula jadi seperti pokok sebagai sumber sampingan untuk membuat kraf tangan, namun perkara ini semakin pupus apabila berlaku aktiviti pembalakan dan perladangan secara besar-besaran.

Walaupun sumber ekonomi dan tanah adat diambil oleh pihak luar, orang Asal tidak mempunyai kuasa yang kukuh untuk melindungi hak mereka dari diambil. Ini kerana Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan pengambilan harta namun perlu diberikan pampasan yang setimpal. Perkara 13 ini akhirnya menyebabkan beberapa Akta diwujudkan contoh seperti Akta Pengambilan Tanah 1960 yang menjelaskan tentang pengambilan tanah atau harta individu melalui bentuk jaminan dan pampasan kepada tuan tanah. Akta ini seolah-olah membenarkan pengambilan tanah demi memastikan proses pembangunan di sesebuah kawasan dapat dijalankan oleh Pihak Berkuasa Negeri, namun akta dan undang-undang yang diperuntukkan seolah-olah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang terlibat. Namun, Kanun Tanah Sarawak pula memperuntukkan bahawa sekiranya pemohon tanah mampu membuktikan pemilikan melalui dokumen yang diminta, tanah adat itu secara langsungnya menjadi hak milik mereka. Namun kegagalan sedemikian yang menyebabkan tanah adat diceroboh oleh pihak luar dengan sewenang-wenangnya.

Melalui soal selidik yang dijalankan, 75% daripada responden berpendapat bahawa projek pembangunan yang dijalankan di tanah adat telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat setempat. Hal ini kerana ada ahli keluarga yang gagal membuktikan hak pemilikan tanah adat mereka, lantas perlu memberikan hak tersebut kepada kerajaan negeri atau pihak swasta untuk projek pembangunan. Tambahan pula ada yang menghadapi masalah apabila masyarakat setempat perlu memberikan tanah adat secara paksaan kepada pihak-pihak tertentu dan lebih mengejutkan apabila ada yang tidak memperoleh sebarang bentuk pampasan walaupun perkara tersebut diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. 83% daripada responden soal selidik juga bersetuju bahawa projek pembangunan yang dijalankan terhadap tanah adat telah memberi impak kepada pengamalan adat dan budaya kaum-kaum tertentu.

5. Rumusan dan Cadangan

Dapat dirumuskan bahawa tanah adat merupakan elemen terpenting dalam meneruskan pengalaman adat dan budaya orang Asal di Sarawak. Hal ini kerana tanah adat oleh orang Asal ini bersangkut dalam pelbagai aspek kehidupan seharian masyarakat di Sarawak antaranya seperti kebudayaan, kepercayaan, pengurusan sumber, pewarisan pengetahuan, adat-adat yang telah dipertahankan, perundangan, sosial dan politik. Perkaitan antara tanah adat orang Asal ini secara ringkasnya dianggap sebagai satu pertalian unik kerana tanah adat dapat dijadikan sebagai tunjang kepada cara hidup seharian serta identiti kolektif masyarakat. Lantas perkara ini merupakan salah satu cara untuk mengekalkan warisan dan budaya komuniti setempat. Oleh itu pentingnya tanah yang diiktiraf untuk mewujudkan perasaan bangga dalam kalangan komuniti setempat apabila kelangsungan warisan tanah adat yang dijaga dari turun temurun dan dapat dikekalkan demi menjalankan pelbagai aktiviti seharian. Tambahan pula tanah adat merupakan elemen 'kekeluargaan' dimana adat dan budaya dapat diamalkan secara bebas dan dapat diturunkan kepada generasi akan datang. Namun, cabaran-cabaran yang timbul seperti undang-undang yang memperuntukkan kewajiban terhadap penyediaan dokumen sebagai bukti kepemilikan tanah, eksploitasi sumber semula jadi oleh pihak swasta, ancaman dan kes-kes yang berlaku telah menyukarkan orang Asal untuk memiliki tanah adat yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Perkara ini akhirnya menimbulkan kesukaran untuk orang Asal meneruskan pengamalan terhadap adat dan budaya mereka kerana tanah adat merupakan elemen utama untuk meneruskan legasi yang ada.

Oleh itu pihak berkuasa khususnya seperti kerajaan negeri perlu menitikberatkan pemilikan tanah adat oleh orang Asal kerana kerajaan merupakan salah satu sumber untuk melindungi hak-hak orang Asal. Tanpa tanggungjawab dan peranan yang efektif oleh kerajaan negeri, akan menyebabkan orang Asal ditindas di tanah sendiri. Perkara ini akhirnya akan menjejaskan kedudukan Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Oleh itu perjanjian ini perlu dikaji dengan sebaik-baiknya kerana Sarawak merupakan salah satu punca Malaysia merupakan negara yang kaya dengan pelbagai adat dan budaya yang unik.

Rujukan

- Amnesty International. (2018). *The Struggle to Defend Indigenous Land in Malaysia*. Amnesty International Ltd.
- Azima Abdul Manaf, Zaimah Ramli & Sarmila Md Sum. (2020). Manaf, A. A., Ramli, Z., & Sum, S. M. (2020). Ekologi Dan Corak Pemilikan Tanah Adat Etnik Bidayuh. *e-Bangi*, 17(1), 37-51.
- Azima Abdul Manaf. (2014). Memahami Makna Persempadanan dan Pemilikan Tanah Ncr oleh Komuniti Bidayuh di Sarawak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke, 9*, 705.
- Azima, A. M., Syafiq Akmal, K., Sarmila, M. S., Lyndon, N., Zaimah, R., Saad, S., ... & Jali, M. F. M. (2015). Sempadan dan pertikaian pemilikan tanah adat di Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 92-103.
- Azima, A. M., Zaimah, R., Saad, S., Sum, S. M., Hussain, M. Y., Shafiq, A. K., ... & Jaafar, M. (2016). Cabaran dalam mempertahankan tanah adat di Malaysia: Kajian kes tanah NCR suku kaum Bidayuh di Sarawak (The challenge of defending customary land in Malaysia: The case of the Sarawak's Bidayuh NCR lands). *Geografia*, 12(4).
- Gregory Kiyai Keai & Noria TugangTugang, N. (2023). ARTifak Sakral Dalam Budaya Iban Di Sarawak. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 41(1).

- Sabariah, A. S., & Imilia, I. (2013). Cabaran Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip Tempatan di Sarawak. *Jurnal PPM*, 7, 1-12
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Indikator Matlamat Pembangunan Mampan.
- Jali, M. F. M., Besar, J. A., Sidek, A. H., Ibrahim, Y., Awal, N. A. M., & Ismail, K. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(2), 88-97.
- Sarbiah Muhammad Serji. (2018). Sistem Torrens dalam undang-undang tanah di Malaysia: Sistem yang tidak eksklusif. In *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*. E ISBN (pp. 978-967).
- Jabatan Perdana Menteri. (2018). Kupasan Sejarah Perjanjian Malaysia 1963
- OHCHR. (2018). Human Rights Situation of the Indigenous Peoples (Orang Asal) in Malaysia. *Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS)*
- Mula Anak Kelabu & Kamal Solhaimi bin Fadzil. (2019). Realiti dan aspirasi pembangunan masyarakat iban di pedalaman daerah song, kapit, sarawak: kajian kes di tiga buah rumah panjang: Reality and Development Aspiration among the Iban in the Interior of Song, Kapit, Sarawak: A Case Study in Three Longhouses. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 30, 131-149.